

Media Title : Kosmo
Headline : Penjawat awam rugi RM150,000 diperdaya ejen insurans palsu
Date : 10 January 2026
Section : Negara!
Page : 5



Penjawat awam rugi RM150,000 diperdaya ejen insurans palsu

KUALA TERENGGANU – Gara-gara terlalu takut didakwa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram, seorang penjawat awam kerugian RM150,000 akibat diperdaya sindiket penipuan atau scammer.

Wanita berusia 43 tahun yang sanggup membuat pinjaman peribadi selepas diperdaya dengan suspek itu telah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah -Kuala Terengganu pada pukul 1.42 tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd. Noor berkata, pada mulanya kakitangan kerajaan itu telah dihubungi oleh individu tidak dikenali yang mengaku kononnya ejen insurans.

“Mangsa terkejut dimaklumkan kononnya butiran peribadinya telah disalah guna sebelum panggilannya disambungkan pula ke suspek lain kononnya pegawai polis.

“Suspek mendakwa kononnya mangsa akan ditahan kera-



na terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram,” katanya di sini semalam.

Azli berkata, sebagai jalan penyelesaian, wanita berkenaan telah diarah membuat pembiayaan peribadi.

Beliau berkata, suspek kemudian mengarahkan wang yang diperolehi daripada kelulusan pinjaman tersebut dimasukkan ke dalam akaun bank baharu diberikan.

“Suspek seterusnya memindahkan kesemua wang tersebut ke dalam akaun bank lain pula tanpa pengetahuan mangsa. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya.